

di sini apakah sebab-sebabnya maka buku-buku pelajaran jarang dapat diterbitkan atau payah bagi penerbit-penerbit menerbitkannya.

Tidak dapat dinafikan bahawa orang-orang yang berpengetahuan banyak yang telah bersungguh-melihat mengapa penerbit-penerbit Melayu kurang atau hampir tidak ada langsung menerbitkan buku-buku yang berbentuk buku-buku pelajaran. Kita telah kerap kali menerangkan sebab-sebabnya, di antaranya:

1. Pembeli-pembeli buku yang bercorak buku-buku pengetahuan atau pelajaran itu sangat kurang – tidak mencukupi hasilnya untuk memulangkan modal penerbit dan penat pengarangnya.
2. Pejabat-pejabat kerajaan tidak sedikit pun menggalakkan atau memberi kerjasama kepada penerbit-penerbit kepada tujuan itu.
3. Buku-buku yang diterbitkan itu tidak terjamin adakah sekolah-sekolah kerajaan (Pejabat Pelajaran) bersedia menggunakannya?
4. Pembaca-pembaca am lebih gemar kepada bacaan-bacaan yang ringan – tidak gemar kepada buku-buku berupa pengetahuan.

Bergantung kepada sebab-sebab yang tersebut inilah maka penerbit-penerbit itu terpaksa mencari jalan untuk menerbitkan buku-buku yang boleh laku sahaja – kerana kalau tidak melakukan demikian segala usaha yang lemah itu akan lumpuh begitu sahaja – kerana ia tidak mendapat galakan barang sedikit pun daripada kerajaan sebab kerajaan, sepanjang yang kita ketahui, belum pernah menawarkan kepada penerbit-penerbit Melayu yang ada supaya bekerja kepada jalan itu dengan memberi cara-caranya – cara bagaimana buku yang dikehendaki oleh Jabatan Pelajaran yang boleh digunakan oleh pejabat itu supaya terjamin buku itu dan tidak pula merugikan penerbitnya.

Di Indonesia, sebagaimana harus Menteri Pelajaran itu telah mengetahui, kerajaan adalah memberi peluang yang besar kepada pengarang-pengarang dan penerbit buku-buku supaya bekerja

mengadakan buku-buku pelajaran. Kerajaan mengadakan kerjasama yang rapat kepada penerbit-penerbit itu dengan memberi atau menunjukkan apa dasarnya buku-buku yang dikehendaki. Setelah penerbit-penerbit itu mengusahakannya maka naskhah buku-buku yang telah siap dihantar kepada Pejabat Pelajaran yang bakal menyaring kandungannya. Setelah itu maka baharulah disetujukan dan diberi jaminan apabila buku-buku itu diterbitkan kerajaan menghendaki sekian-sekian banyak naskhah-naskhah untuk jabatan atau pun menjamin bahawa buku itu digunakan oleh sekolah-sekolah kerajaan dengan dibeli oleh anak-anak sekolah dan rakyat negeri dengan anjuran kerajaan.

Dengan cara ini maka penerbit-penerbit itu berlumba-lumba menerbitkan buku-buku yang bercorak pengetahuan sedang buku-buku bacaan ringan akan mendapat tempat yang terkebelakang sekali.

Jadi dengan mengetahui hal-hal yang tersebut maka sepatutnya setelah pulang dari Indonesia Menteri Pelajaran ini semolek-moleknya dapat bertukar-tukar fikiran dengan penerbit-penerbit – khususnya penerbit-penerbit Melayu supaya dapat usaha penerbit-penerbit ini disalurkan kepada binaan masyarakat yang akan datang – tidak tersendiri-sendiri seperti sekarang dengan keadaan setengah-setengahnya “Hidup segan mati tak mahu”.

Tidak ada satu jalan yang lebih baik daripada terlebih dahulu mengadakan persefahaman dan kerjasama di antara penerbit-penerbit sebelum mengadakan langkah-langkah yang besar seperti Balai Pustaka atau seumpamanya.

\* \* \*

### Peringatan kepada Ulama-ulama

Baharu-baharu ini di Kuala Lumpur telah diadakan Peraduan Cantik dengan menggunakan baju mandi. Di antara yang mengambil bahagian ada beberapa orang perempuan Melayu, seorang daripadanya konon ada mempunyai “didikan agama”. Melihat kepada perempuan-perempuan yang berlawanan dengan adat istiadat Melayu dan agama Islam, maka beberapa orang ulama yang merasa

bertanggungjawab telah memberi amaran dan tegurannya tetapi malangnya teguran dan amarannya itu telah dibalas oleh wanita-wanita itu dengan suatu cara yang mengejek dan menghina kepada ulama-ulama itu.

Perbuatan wanita-wanita itu adalah menunjukkan corak keadaan masyarakat kita sekarang kerana kalau dahulu teguran-teguran semacam itu tidak diterima mereka sedang mereka diam sahaja, tetapi sekarang keceluparan terhadap teguran alim ulama sudah sedemikian rupa-dengan kata-kata yang keji dan menghina kepada alim ulama itu. Melihat ini sekarang jelas kepada kita bahawa jika selama ini teguran yang sedemikian itu pun telah dibalas dengan penghinaan maka ulama-ulama kita wajiblah sekarang dengan tegas dan jelas maju memimpin umat kerana jika mereka hanya berkata sahaja sedang kata-kata itu pun tidak dihargakan maka janganlah undur sahaja tetapi majulah ke tengah untuk menegakkan jihad dan memimpin umat yang telah tercebur kerana, jika tidak, awaslah, agama kita akan dipermainkan- bukannya sahaja oleh orang kebanyakan tetapi juga oleh “pemimpin-pemimpin” yang akan mempersendakan Islam – jika tidak sesuai dengan akan mereka.

Kecerobohan dan keceluparan yang telah dilakukan oleh wanita-wanita “moden” itu patutlah diperhatikan oleh ulama-ulama – janganlah dipandang sepi sahaja. Ulama-ulama tunjukkanlah kepada umat bahawa ulama itu mewarisi anbiya’ – tugasnya besar untuk memimpin umat. Janganlah patah hati atau berkecil hati tetapi jadikanlah hinaan mereka itu sebagai penggalak untuk tampil ke hadapan kerana memimpin umat!

## Masyumi

Menang Taruh-Kalah Sorak

Menurut kenyataan yang disiarkan oleh Harian “Lembaga” di Medan yang bertarikh 9 November – hasil pemilihan umum di Indonesia (mengikut banyaknya kerusi) seperti berikut: Masyumi 73 kerusi, P.N.I. 56, Komunis 35, Nahdhatul Ulama’ 43, Partai Syarikat Islam Indonesia 7, Partai Tarikat Islam Indonesia 3, Partai Sosialis 5, Parkindo (Kristian) 4, Katholik 1, Buruh 2, Efki 3, Parti Kedaulatan Rakyat 1, Persatuan Dayak 1, Front Rakyat 1, dan Irian Barat 3 Kerusi.

## Lajnah Membela Alim Ulama

Lajnah pengembang pelajaran agama Islam Muar di dalam persidangan ahli jawatankuasa tadbiran yang diadakan di Pejabat Besarnya di Jalan Hasyim Muar, pada 14 November 1955, telah mengambil perhatian yang sangat berat dengan amat kesal dan duka citanya di atas perbuatan wanita-wanita Melayu yang mengambil bahagian merebut gelaran Miss Selangor baharu-baharu ini di Kuala Lumpur, lebih-lebih lagi di atas sikap mereka itu terhadap teguran-teguran alim ulama dan orang-orang Melayu yang terkemuka di tempat itu bagaimana yang tersiar beritanya di dalam akhbar.

Sekianlah keputusan sebulat suara persidangan yang tersebut dan moga-moga dengan ini akan rujuklah mereka itu kepada jalan yang sebenar dan diredhai, amin.

Abdul Hamid bin Husain

Setiausaha Agung yang kehormat

Lajnah Pengembang Pelajaran Agama Islam Muar.